



Ruj. Kami : ( 14 ) dlm.PADAT/P/078 Jld.2

Tarikh : 14 April 2017

“KEJUJURAN DAN KETEKUNAN”

*selangorku*

## SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN

Y.B. Dato' / Y.Bhg. Dato' / Y.Bhg. Datin / Tuan / Puan,

### IKLAN JAWATAN KENAIKAN PANGKAT DI PERBADANAN ADAT MELAYU DAN WARISAN NEGERI SELANGOR - ARTIS BUDAYA (JURULATIH) GRED B19 KE B22 (1 KEKOSONGAN)

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Perbadanan Adat Melayu Dan Warisan Negeri Selangor (PADAT) akan mengadakan urusan kenaikan pangkat bagi mengisi kekosongan jawatan seperti di atas.

3. Urusan kenaikan pangkat ini adalah terbuka kepada penyandang jawatan Artis Budaya Gred B19 yang memenuhi syarat-syarat seperti berikut :-

- (i) Mencapai tahap prestasi yang baik;
- (ii) Diperakukan oleh Ketua Jabatan;
- (iii) Bebas dari hukuman tatatertib;
- (iv) Lulus Tapisan Keutuhan [Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)];
- (v) Telah mengisytiharkan harta berdasarkan peraturan yang sedang berkuatkuasa; dan
- (vi) Berpengalaman sekurang-kurangnya 2 tahun dan ke atas dalam bidang berkaitan.

...2/-

“KEPUASAN ANDA KHAZANAH KAMI”

#### 4. CARA MEMOHON

- a. Borang permohonan boleh didapati secara percuma di laman sesawang [www.padat.gov.my](http://www.padat.gov.my) dan dialamatkan kepada:

**Ketua Pegawai Eksekutif,  
Perbadanan Adat Melayu Dan Warisan Negeri Selangor,  
D/A Muzium Sultan Alam Shah,  
Persiaran Bandaraya,  
40000 Shah Alam.  
( U/P : Unit Sumber Manusia )**

**Tarikh tutup permohonan : 28 April 2017 (Jumaat)**

- b. Pemohon-pemohon hendaklah membuat permohonan melalui Ketua Jabatan masing-masing mengikut Perintah Am Bab 'A' Para 17 dan disertakan dengan salinan rekod perkhidmatan dan prestasi tahunan bagi tiga (3) tahun berakhir.
  - c. Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 6 bulan dari tarikh iklan ditutup adalah dianggap tidak berjaya.
  - d. Permohonan yang tidak lengkap akan **DITOLAK**.
5. Sehubungan dengan itu, pentadbiran ini memohon jasa baik Y.B. Dato' / Y.Bhg. Dato' / Y.Bhg. Datin / Tuan / Puan untuk menghebahkan iklan jawatan kenaikan pangkat ini di jabatan masing-masing.
6. Kerjasama dan perhatian Y.B. Dato' / Y.Bhg. Dato' / Y.Bhg. Datin / Tuan / Puan berhubung perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**“MEMBANGUN BANGSA MEMAKMUR NEGERI”  
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(DATIN SITI KHADIJAH BINTI ABD. AZIZ)**  
b.p. Ketua Pegawai Eksekutif,  
Perbadanan Adat Melayu Dan Warisan Negeri Selangor,  
**SHAH ALAM.**